



**TEKS UCAPAN**

**TAN SRI MOHAMAD ZABIDI ZAINAL  
KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM**

**SEMPENA**

**MAJLIS PERASMIAN HARI INOVASI MARA 2014**

**31 MAC 2014, 2.30 PETANG  
HOTEL PREMIERA, KUALA LUMPUR**

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,  
Salam Transformasi dan Salam “1Malaysia: Rakyat  
Didahulukan, Pencapaian Diutamakan”.**

**Terima kasih Saudara dan Saudari Pengacara  
Majlis**

**Yang Berbahagia Datuk Ibrahim Ahmad  
Ketua Pengarah MARA**

**Yang Berbahagia Datuk Haji Ariss Bin Samsudin  
Ahli Majlis MARA**

**Yang Berbahagia Profesor Emeritus Dato' Dr. Abu  
Azam Bin Md Yassin  
Ahli Majlis MARA**

**Yang Berbahagia Dato' Shamshun Baharin Bin  
Mohd Jamil  
Pengarah Bahagian Pendidikan Masyarakat**

**Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia**  
**Yang Berusaha Puan Salmah Hayati Binti Ghazali**  
**Timbalan Ketua Pengarah (Keusahawanan)**  
**MARA**

**Yang Berusaha Tuan Hj Azmi Bin Mohamad**  
**Timbalan Ketua Pengarah (Pendidikan)**  
**MARA**

**Ahli-Ahli Pengurusan MARA**

**Seterusnya Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya kasihi sekalian.**

**Alhamdulillah, saya mengucapkan syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan keizinan dan limpah kurniaNya jua, saya dapat bertemu dengan keluarga besar MARA sempena Hari Inovasi MARA Tahun 2014 pada hari ini. Untuk itu, saya mengucapkan terima kasih kepada pihak MARA**

**kerana menjemput saya untuk merasmikan majlis yang bersejarah ini.**

**2. Majlis kita pada petang yang berbahagia ini begitu signifikan dan bermakna kerana kita akan meraikan inovasi dan kreativiti yang merupakan pemangkin kepada transformasi Kerajaan yang kita sedang laksanakan kini. Sebentar tadi, saya melihat betapa kreatifnya Warga MARA apabila telah berjaya mendapat pengiktirafan Malaysia Book of Records menerusi rekabentuk logo terbesar di negara ini. Saya percaya semangat dan daya kreativiti ini akan berterusan dalam kalangan Warga MARA ke arah meningkatkan lagi inovasi penyampaian perkhidmatan kepada rakyat.**

**3. Di kesempatan ini jua, saya ingin mengajak para hadirin untuk terus menerus mendoakan kesejahteraan penumpang dan anak kapal MH370 walau apa sahaja keadaannya. Kita juga**

**mendoakan agar ahli keluarga dan sanak saudara mereka sentiasa tabah dan sabar dalam menghadapi dugaan yang berat ini. In Shaa Allah.**

## **INOVASI DAN KREATIVITI: MALAYSIA DI PERSADA ANTARABANGSA**

**Hadirin yang saya kasihi,**

**4. Hari ini dunia memandang kita. Bukan sahaja menerusi perkembangan tragedi pesawat hilang, tetapi juga bagaimana keupayaan kita untuk kekal mampan dan kompetitif dalam persaingan penarafan antarabangsa. Keupayaan kita melonjakkan kedudukan di tangga ke-6 di dalam Ease of Doing Business berdasarkan penarafan World Bank telah menarik perhatian banyak pihak.**

**5. Dalam konteks inovasi, Malaysia menduduki kedudukan ke-32 negara paling inovatif menerusi**

**Global Innovation Index. Kedua-dua pencapaian ini adalah merupakan tanda aras di mana kita berada di mata dunia hari ini. Sudah pasti, enjin utama yang menggerakkan keberhasilan ini adalah Tuan-tuan dan Puan-puan para penjawat awam.**

**6. Walau bagaimanapun, kita tidak mahu pencapaian ini sekadar episod kejayaan yang sementara. Kerana kita telah dicabar oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak untuk bukan sahaja menjadi negara yang maju dari segi fizikal bahkan mempunyai pendapatan tinggi. Kita inginkan matlamat untuk mencapai pendapatan perkapita 15,000 Dolar Amerika menjelang tahun 2020 menjadi realiti.**

**7. Bagi mencapai hasrat tersebut, kita harus menekankan kepada aspek pembangunan bakat. Kita percaya bahawa hanya melalui pembangunan bakat yang terbaik sahaja akan mampu membawa**

**negara kepada matlamat Wawasan 2020. Laporan The World's Most Talent Competitive Countries oleh INSEAD pada tahun 2013 telah menyenaraikan Malaysia di kedudukan ke-37 daripada 103 negara yang terpilih.**

**8. Kedudukan ini menunjukkan Malaysia memerlukan suntikan inovasi bagi melonjakkan bakat-bakat yang dimiliki oleh negara untuk gagah bersaing di persada global. Di kedudukan pertama penarafan ini adalah Switzerland, kemudian diikuti oleh Singapura di kedudukan kedua dan Denmark di kedudukan ketiga.**

**9. Switzerland yang terkenal dengan jam jenama SWISS ini mempunyai banyak sebab apabila menjuarai penarafan. Menurut Paul Evans, Pengarah Akademik INSEAD, Switzerland mempunyai bakat yang memiliki kekuatan dalam dua aspek iaitu kemahiran vokasional yang tinggi**

**serta pengetahuan bertaraf global. Menurut Evans lagi, Switzerland juga mengamalkan kaedah di mana pekerja secara fleksibel boleh bekerja dan belajar secara sistematik di samping mempunyai program apprentice yang dinamik. Inilah antara faktor mengapa Switzerland berjaya menduduki carta teratas.**

## **INOVASI PEMANGKIN KEJAYAAN TRANSFORMASI NEGARA**

**Hadirin yang dihormati sekalian,**

**10. Di Malaysia, kita telah memperkenalkan pelbagai usaha untuk memperkukuhkan lagi strategi penggalakan inovasi dan kreativiti. Paling popular adalah menerusi pendekatan Strategi Lautan Biru Kebangsaan atau NBOS. Kita boleh melihat sendiri bagaimana pelaksanaan Urban Transformation Programme telah memanfaatkan**



**5.3 juta rakyat Malaysia yang ingin berurusan dengan Kerajaan di 7 UTC di seluruh negara. Pencapaian ini adalah begitu memberangsangkan dan pastinya memberi impak yang besar kepada Perkhidmatan Awam negara.**

**11. Strategi NBOS ini dilaksanakan dengan berpaksikan 4 prinsip utama iaitu:**

- a) Impak positif yang tinggi yang memberi faedah ketara kepada rakyat;**
- b) Kos yang minimum iaitu kos yang lebih rendah daripada kaedah konvensional;**
- c) Pelaksanaan pantas di mana impak dapat dirasakan dalam masa yang singkat; dan**
- d) Perubahan yang mampan serta boleh diaplikasikan untuk projek yang lain menerusi perubahan minda serta budaya.**

**12. Meskipun kita berbangga dengan kecemerlangan yang dicapai setakat ini, ia bukanlah tiket untuk kita berehat panjang. Kata Yang Berbahagia Tan Sri Dr. Ali Hamsa, Ketua Setiausaha Negara, “tidaklah bermakna kita sudah boleh melepaskan sauh untuk berlabuh”. Banyak lagi penarafan dunia yang lain seperti Global Competitiveness Report, World Economic Forum, Indeks Kesejahteraan Rakyat dan sebagainya yang mesti kita gapai bintangnya. Sebab itulah kita perlu berusaha dengan lebih gigih untuk mencapai cita-cita ini. Tanpa rasa jemu. Tanpa rasa penat. Terus belayar sehingga matlamat akhirnya tercapai.**

## **MEMPERHEBAT TRANSFORMASI MENCIPTA KEGEMILANGAN PERKHIDMATAN AWAM**

**Hadirin yang saya hormati,**

**13. Kibaran panji transformasi mula megah berkibar semenjak Dasar Transformasi Nasional diperkenalkan. Ia merangkumi Program Transformasi Kerajaan, Program Transformasi Ekonomi, Sosial dan Politik.**

**14. Menyedari hakikat bahawa Program Transformasi Kerajaan memerlukan jentera Perkhidmatan Awam yang berupaya menjana keberhasilan yang pantas, Transformasi Perkhidmatan Awam telah dilaksanakan berdasarkan 5 teras strategik iaitu Mendaya Upaya Bakat, Merekayasa Organisasi, Merakyatkan**

## **Penyampaian Perkhidmatan, Merangkum dan Sepunya dan Membudaya Nilai.**

**15. Sebagai contoh, kita boleh lihat penstrukturan semula organisasi di JPA berdasarkan pengoptimuman perjawatan berjaya menjimatkan kos emolumen sebanyak RM12.8 juta. Strategi inovatif yang dilaksanakan Kerajaan melalui JPA ini turut diperkukuhkan lagi melalui khidmat runding yang diberikan secara handholding dan advisory yang ternyata lebih proaktif dan berkesan. Ini dapat dilihat melalui perekayasaan kelulusan permohonan penstrukturan semula perjawatan yang telah dipendekkan daripada 120 hari kepada 30 hari bertepatan dengan matlamat perkhidmatan yang kejut.**

## **MEMAKNAKAN INOVASI, MELONJAKKAN PENCAPAIAN**

**Hadirin sekalian,**

**16. Melaksanakan inovasi dan transformasi memerlukan kesanggupan untuk kita melakukan sesuatu yang mungkin tidak pernah kita buat sebelum ini. Sesuatu yang di luar kelaziman dengan cara yang unik dan kreatif. Namun begitu, apabila mendengar tentang cara yang tidak mengikut tradisi ini, kebanyakan orang kita akan melenting. Mereka malas berubah. Tidak mahu berfikir dengan lebih mendalam dan terperinci.**

**17. Ada dalam kalangan penjawat awam yang kurang yakin dengan kekuatan sendiri untuk melaksanakan inovasi. Kata mereka, “jangan**

**bandingkan Malaysia dengan negara maju yang lain. Mereka ada teknologi canggih. Kita masih belum mampu. Orang barat sudah maju ketika kita masih berbasikal menyusuri jalan merah tidak bertar. Orang barat sudah guna komputer ketika kita masih pakai typewriter”.**

**18. Bagi mereka yang kurang berkeyakinan ini, mari kita renungkan beberapa situasi dalam bidang sukan. Mengapakah kebanyakan orang dari benua Aafrika mendominasi sukan? Mungkin ada yang tidak bersetuju bahawa berlaku ‘stereotyping’ dalam sukan.**

**19. Tetapi tentu tidak tepat untuk kita mengatakan bahawa hari ini orang Melayu menguasai bola sepak, orang Cina sukan badminton dan orang India sukan hoki. Namun saya pasti kita semua tahu bahawa Soh Chin Aun, Arumugam dan Santokh Singh bukan Melayu.**

**Dalam bidang badminton, keluarga Sidek mendominasi sukan itu sekian lama. Dalam bidang hoki, banyak pemain bukan India seperti Keevan Raj yang mewakili negara.**

**20. Agak menarik juga untuk ditanyakan mengapakah Raja Bola seperti Pele, Maradona dan Messi selalunya datang dari Brazil dan Argentina? Kita boleh saksikan orang Asia hari ini sudah mencipta nama di Liga Inggeris (EPL) dan juga di liga Eropah yang lain.**

**21. Atlit Korea Selatan dan Jepun di Sukan Olimpik Musim Sejuk di Sochi baru-baru ini telah mencatat sejarah baharu. Walaupun pencapaian negara itu kurang memuaskan (tiga emas, tiga perak dan dua gangsa) tetapi Korea Selatan kini merupakan kuasa baharu Asia dalam sukan musim sejuk. Malah dalam acara 'speed skating', pasukan**

**Korea mengalahkan ahli sukan negara yang secara tradisinya hebat dalam acara itu.**

**22. Dari persepektif yang lain, kita boleh lihat orang Jepun bangkit dengan begitu pantas membangunkan dirinya dari penjara kemusnahan akibat pengeboman Hiroshima dan Nagasaki hampir 70 tahun dahulu. Jepun bingkas bangun untuk memunculkan dirinya sebagai kuasa baharu ekonomi tiga dekad kemudian. Hari ini Jepun menguasai sebahagian besar pasaran dunia dalam bidang automotif, kejuruteraan dan juga elektronik.**

**MENGGILAP KREATIVITI, MENJANA INOVASI:  
KISAH KLIP MERAH**

**Hadirin sekalian,**

**23. Untuk mencipta sejarah yang hebat, kita bukan sekadar memerlukan kegigihan, bahkan menuntut**



**kita untuk mencipta sesuatu yang bersifat baharu. Saya ingin berkongsi sebuah kisah tentang klip kertas. Hari ini, jika tuan-tuan dan puan-puan ternampak klip kertas atau red paperclip di pejabat, apa tuan-tuan dan puan-puan akan buat? Banyak orang menganggapnya sekadar peralatan pejabat yang tidak banyak kegunaannya. Malah dalam dunia tanpa kertas hari ini, klip kertas dianggap semakin kurang relevan.**

**24. Cuba kita fikir sedikit di luar kotak. Mungkin kita boleh memiliki sebuah rumah dengan menggunakan klip kertas yang tidak berharga itu. Itulah yang dilakukan oleh Kyle MacDonald dari Kanada. Beliau menggunakan sebatang klip kertas berwarna merah untuk membuat urus niaga atau transaksi perniagaan. Hasilnya beliau memperoleh sebuah rumah dua tingkat di Kipling, Saskatchewan.**

**25. Beliau berkongsi kisah kejayaan ini di dalam bukunya “One Red Paperclip: The Story of How One Man Changed His Life One Swap At A Time”. MacDonald kreatif sama seperti pengasas Microsoft, Facebook, Twitter dan lain-lain juga. Bezanya, beliau tidak melibatkan kehidupan berbilion manusia.**

**26. MacDonald masih menggunakan cara lama malah dianggap primitif. Tetapi hasilnya luar biasa sekali. Dengan hanya berbekalkan sebatang klip kertas, beliau memulakan urusan niaganya. Beliau menggunakan kaedah ‘barter trade’ untuk menukarkan klip kertas itu dengan barangan lain. Dari 14 Julai 2005 beliau membuat tukaran dagang hinggalah berjaya memiliki rumah pada 5 Julai 2006. Kesemuanya membabitkan 14 transaksi.**

**27. Sememangnya cara ini pelik dalam konteks urusan niaga moden hari ini. Tetapi MacDonald**

**mengajar kita satu hal iaitu memiliki rumah bukan sekadar dengan cara tunai atau menggunakan kemudahan pinjaman bank. Rumah boleh dimiliki dengan sistem pertukaran primitif. Malah bermula dengan klip kertas. Dengan kos yang rendah, menggunakan bahan terbuang dan tidak berharga serta berbekalkan keyakinan, segalanya boleh dimiliki.**

**28. Orang kita sebenarnya sudah jauh lebih baik dari dahulu. Sudah ada orang kita yang mampu mencipta pelbagai alat seperti motor terbang, baju terbang menggunakan teknologi. Zulkifli Haron adalah antara perekacipta tempatan yang aktif dalam bidang Autotronic. Bukan itu sahaja, Dekan Fakulti Bioteknologi dan Sains Biomolekul UPM, Profesor Datin Paduka Dr. Khatijah Yusoff telah dinobatkan sebagai antara 20 wanita muslim paling berpengaruh di dunia dalam bidang sains oleh Muslim-Science.Com.**

**29. Kita boleh melakukannya. Kita sebenarnya mampu mencabar sebarang kemustahilan dan menterjemahkannya kepada keberhasilan menggunakan inovasi dan kreativiti dengan syarat kita rajin berusaha dan tidak berputus asa. Pokok pangkalnya, kita mesti yakin dengan kebolehan sendiri dan berani untuk melakukan sesuatu yang bersifat inovatif.**

## **KECEMERLANGAN INOVASI BUMIPUTERA: PERANAN MARA**

**Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya kasihi,**

**30. Saya amat berharap pemimpin di setiap bahagian di MARA dapat meneruskan kecemerlangan dan memainkan peranan sebagai arkitek inovasi dengan mencipta ekosistem inovatif yang subur di tempat kerja. Inovasi**

**terhasil apabila para penjawat memahami tugas mereka dengan mendalam dan berkeupayaan mengenal pasti ruang dan peluang untuk penambahbaikan.**

**31. Sebagai Ketua Jabatan dan Ketua Bahagian, kita perlu memberi lebih ruang, peluang dan kebebasan kepada anak buah untuk mencadangkan idea-idea yang kreatif untuk tampil dengan pendekatan atau sistem baharu yang lebih berimpak tinggi. Jocelyn K. Gleis di dalam bukunya “Manage Your Day-to-Day: Build Your Routine, Find Your Focus, and Sharpen Your Creative Mind” menyatakan 2 perkara penting untuk meningkatkan daya kreativiti.**

**32. Pertama: Being involved in the moment. Ia bermaksud setiap Ketua Jabatan hendaklah sentiasa berada dalam apa sahaja situasi dalam merangsang pemikiran dan menggalakkan minda**

**anak buah kita untuk berinovasi. Kedua: Disengagement from a situation. Ia bermaksud sekiranya kita melihat sesuatu itu bermasalah dan memerlukan penambahbaikan, maka kadang kala kita perlu memberi ruang berehat sejenak untuk berfikir dengan lebih rasional bagi mendapatkan penyelesaian yang lebih kreatif.**

**33. Bagi memastikan MARA sentiasa kompetitif, seluruh Warga MARA perlu melaksanakan sesebuah tugas atau program dengan berorientasikan “outcome”, dan bukan sekadar “output”. Kita mahu melihat keberhasilan yang pantas yang memberi manfaat dalam kerangka lebih luas dan besar.**

**34. MARA hendaklah merangka strategi dan program untuk membudayakan inovasi melalui perancangan yang komprehensif dan berterusan dan tidak hanya memfokuskan kepada sambutan**

**Hari Inovasi semata-mata. Program inovasi hendaklah mengambil kira kepada perubahan persekitaran, kemajuan teknologi terkini, mengutamakan pencapaian, mendahulukan rakyat dan menjurus ke arah merealisasikan Wawasan 2020.**

**35. Kita tidak boleh merasa berpuas hati dan selesa dengan kecemerlangan semasa tetapi hendaklah terus berusaha meningkatkan kecekapan dan berpegang kepada falsafah penambah baikan yang berterusan iaitu hari ini lebih baik dari semalam dan esok adalah lebih baik dari hari ini. In Shaa Allah, MARA akan menjadi sebuah institusi kecemerlangan inovasi yang hebat dalam membangunkan bumiputera khususnya dan rakyat Malaysia amnya.**

**PENUTUP**

**36. Sempena Majlis Hari Inovasi MARA kali ini, saya dimaklumkan terdapat 4 kategori yang dipertandingkan dan 20 orang Warga MARA akan dinobatkan sebagai pemenang. Saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada semua pemenang dan penerima. Sesungguhnya saya amat berbangga kerana Tuan-tuan dan Puan-puan telah menyahut cabaran Perkhidmatan Awam untuk melaksanakan inovasi seterusnya menjulang nama MARA ke suatu tahap yang lebih cemerlang lagi.**

**37. Harapan saya agar penganugerahan ini menjadi motivasi dan dorongan kepada jabatan dan agensi-agensi di bawah MARA untuk berusaha meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan melalui pelbagai inovasi yang unik dan berimpak. Semoga kemeriahan dan kegemilangan majlis pada hari ini akan membakar semangat semua pihak untuk mengintegrasikan hasil dan mengadaptasi**



**ciptaan bagi memantapkan lagi sistem penyampaian perkhidmatan Kerajaan.**

**38. Setinggi-tinggi ucapan tahniah dan syabas saya ucapkan kepada semua Warga MARA yang terlibat dan bertungkus lumus untuk menjayakan Majlis Hari Inovasi MARA 2014 ini.**

**39. Dengan lafaz yang mulia, Bismillahir-Rahmanir-Rahim, saya dengan ini merasmikan Majlis Hari Inovasi MARA Tahun 2014.**

**Sekian. Wabillahitaufik Walhidayah  
Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.  
Terima kasih.**